

Sistem Nasab Ibu dan Keusahawanan dalam Budaya Minangkabau

Abstrak

Budaya Minangkabau adalah budaya berasaskan sistem nasab ibu. Wanita dalam budaya ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sistem nasab ibu. Perkara tersebut disebabkan wanita sebagai pewaris harta pusaka baik berupa sawah padi, tanah dan Rumah Gadang. Di samping itu wanita Minangkabau juga mempunyai kuasa dalam Rumah Gadang bersama saudara lelaki ibu tertua. Kedudukan tinggi tersebut mempunyai impak terhadap tanggungjawab wanita sebagai pengaga budaya, di mana suku diturunkan melalui keluarga pihak wanita dan anak-anak pula juga tanggungjawab daripada pihak keluarga wanita. Budaya Minangkabau mempunyai falsafah tentang keusahawanan. Falsafah ini berlaku kepada wanita dan lelaki Minangkabau. Wanita Minangkabau yang telah mewarisi harta pusaka dengan mudah dapat mengerjakan dan mengelola serta mengembangkannya melalui kerja-kerja pertanian, kraftangan, perlombongan dan perniagaan. Kajian ini menggunakan sumber-sumber sekunder dan temu bual dengan peniaga wanita yang berniaga di pakan Baso. Hasil kajian ini mendapati bahawa wanita Minangkabau mendominasi sebagai peniaga di pasar tradisional dan mereka bukan hanya sebagai peniaga kecil namun telah berkembang menjadi tauke yang mempunyai jaringan perniagaan sendiri. Kajian ini diharapkan dapat menjadi asas permulaan pengkajian tentang wanita berasaskan pendekatan budaya di kawasan-kawasan yang berbeza.